

Tun Zaki dilantik Profesor Adjung USIM

Nilai: Bekas Ketua Hakim Negara, Tun Zaki Tun Azmi, dilantik sebagai Profesor Adjung Fakulti Syariah & Undang-Undang (FSU), Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) baru-baru ini.

Yang turut dilantik, tokoh bidang perundangan, Peguam Kanan Undang-Undang Bahagian Jenayah

Tetuan Shukor Baljit & Partners, Datuk Baljit Singh Sidhu, bagi memegang jawatan yang sama untuk berkongsi kepakaran mereka dengan pelajar fakulti berkenaan.

Pensyarah Kanan FSU, Dr Muzaffar Syah Mallow, berkata pelantikan itu dibuat berdasarkan pengalaman luas dimiliki kedua-dua tokoh berkenaan dalam bidang perundangan negara.

"Pengalaman luas yang dimiliki oleh kedua-dua tokoh ini pasti mampu memantapkan proses pengajaran di FSU menerusi nasihat serta perkongsian pengetahuan mereka yang bakal memberi pelbagai manfaat khusus kepada pelajar yang mengikuti kursus perundangan di fakulti berkenaan," katanya.

Perkenal sistem

Zaki memegang jawatan sebagai Ketua Hakim Negara mulai 21 Oktober 2008 hingga 9 September 2011. Antara sistem diperkenalkan oleh beliau ialah sistem teknologi berkomputer, rakaman audio visual di mahkamah, sistem rakaman dan

Baljit Singh menyampaikan **syarahan umum** kepada pelajar FSU USIM.

transkripsi mahkamah (CRT) serta sistem e-filing.

Selain itu, penubuhan Mahkamah Dagang baharu dan Mahkamah Khas Rasuah juga dilaksanakan semasa pentadbiran beliau.

Beliau turut memperkenalkan kaedah 'plea bargaining' atau rundingan bagi pengakuan bersalah untuk mengurangkan pertuduhan dan hukuman terhadap tertuduh sesuatu kesalahan jenayah kali pertama dan

dilakukan secara sukarela.

Baljit Singh pula ialah peguam yang amat dikenali serta dihormati dalam dunia guaman negara terutama dalam aspek perundangan jenayah.



Tun Zaki menghadiri **majlis syarahan umum** di FSU USIM.

